

P.U. (A) 432.

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984

**PERINTAH PERLESENAN TENAGA ATOM (PENGECUALIAN)
(MIKROSKOP ELEKTRON PENGIMBAS) 1998**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 69 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984[Akta 304], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perlesenan Tenaga Atom (Pengecualian) (Mikroskop Elektron Pengimbas) 1998.**

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

"mikroskop elektron pengimbas" ertinya suatu radas penyinaran yang memerlukan alur elektron untuk pemeriksaan sampel yang akan mengakibatkan pengeluaran elektron sekunder akan terhasil daripada sampel itu dan akan mengeluarkan imej dalam skrin sinar katod.

Pengecualian

3. Tiap-tiap orang yang ada dalam miliknya apa-apa mikroskop elektron pengimbas adalah dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) bahawa radas ini adalah atau dimaksudkan untuk kegunaannya sendiri dan paras sinaran yang dikeluarkan adalah kurang daripada 1.0 uSv/jam;
- (b) bahawa radas itu dibeli daripada penjual yang dilesenkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom;
- (c) bahawa pemunya atau pemilik adalah berdaftar dengan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom mengikut borang yang dinyatakan dalam Jadual; dan
- (d) bahawa orang itu memastikan bahawa radas itu tidak boleh berfungsi lagi sebelum dia melupuskannya.

JADUAL

(Subperenggan 3©)

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984

**PERINTAH PERLESENAN TENAGA ATOM (PENGECUALIAN) (MIKROSKOP
ELEKTRON PENGIMBAS) 1998**

Pendaftaran No.:

**PEMBERITAHUAN PENDAFTARAN MIKROSKOP ELEKTRON PENGIMBAS
YANG BOLEH MENGELUARKAN SINARAN MENGION**

**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar**

Mikroskop elektron pengimbas yang boleh mengeluarkan sinaran mengion seperti yang dinyatakan di bawah adalah didaftarkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

Pemunya/Pemilik	Alamat surat-menyurat	Orang Yang Bertanggungjawab
		Nama: Jawatan: K.P. No: Tel. No.: Faks No.:

Butir-butir mengenai jenis dan model mikroskop elektron pengimbas, kVp, mA, kW, bilangan radas, kegunaan, nama penjual dan alamat di mana mikroskop elektron pengimbas ditempatkan.

Jenis & Model	Maksimum KVp, mA, kW	Bilangan Unit	Kegunaan
Nama Penjual		Alamat di mana mikroskop elektron pengimbas ditempatkan	

Syarat-syarat pendaftaran
(nyatakan)

<p>..... Setiausaha Eksekutif Lembaga Perlesenan Tenaga Atom</p> <p>Tarikh:.....</p>	Catatan:
----------------------------------------------------------------------------------------------	----------

Dibuat 26 Oktober 1998.
[KSTAS 260.010A011/001K; PN(PU²) 425/III]

DATUK LAW HIENG DING,
Menteri Sains, Teknologi dan
Alam Sekitar

[Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat dan Dewan Negara mengikut subseksyen 69(2) Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.]

ATOMIC ENERGY LICENSING ACT 1984

ATOMIC ENERGY LICENSING (EXEMPTION) (SCANNING ELECTRON MICROSCOPE) ORDER 1998.

IN exercise of the powers conferred by section 69 of the Atomic Energy Licensing Act 1984 [Act 304], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Atomic Energy Licensing (Exemption) (Scanning Electron Microscope) Order 1998.**

Interpretation

2. In this Order, unless the context otherwise requires-

“scanning electron microscope” means an irradiating apparatus which depends on electron beam for sample examination that results in an emission of secondary electrons from that sample and produces an image on a cathode ray screen.

Exemption

3. Every person who has in his possession any scanning electron microscope is exempted from the provisions of the Atomic Energy Licensing Act 1984 subject to the following conditions:

- (a) that the apparatus is or is intended for his own use and the radiation level emitted is less than 1.0 uSv/hour;
- (b) that the apparatus is purchased from a seller who is licenced by the Atomic Energy Licensing Board;
- (c) that the owner or the possessor is registered with the Atomic Energy Licensing Board in accordance with the form as set out in the Schedule; and
- (d) that the person ensure that the apparatus can no longer function before he disposes of it.

SCHEDULE

(Subparagraph 3(c))

ATOMIC ENERGY LICENSING ACT 1984

ATOMIC ENERGY LICENSING (EXEMPTION) (SCANNING ELECTRON MICROSCOPE)
ORDER 1998

Registration No.:

NOTIFICATION OF REGISTRATION OF SCANNING ELECTRON MICROSCOPE WHICH
IS CAPABLE OF PRODUCING IONIZING RADIATION

ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD
Ministry of Science, Technology and the Environment

The scanning electron microscope which is capable of producing ionizing radiation as listed below is registered in accordance with the conditions as specified by the Atomic Energy Licensing Board.

Owner/Possessor	Corresponding address	Person responsible
		Name: Position: I.C. No.: Tel. No.: Fax No.:

Particulars regarding the type and model of the scanning electron microscope, kVp, mA, kW, number of apparatus, application, name of seller and address where the scanning electron microscope is located.

Type & Model	Maximum kVp, mA, kW	Number of units	Application
Name of seller		Address where the scanning electron microscope is located	

Conditions of registration
(Specify)

<p>..... Executive Secretary Atomic Energy Licensing Board</p> <p>Date:</p>	<p>Notes:</p>
-------------------------------------------------------------------------------------------	---------------

Made 26 October 1998.
[KSTAS 260.010A011/001K; PN(PU)425/III]

DATUK LAW HIENG DING,
Minister of Science, Technology and
the Environment

[To be laid before the Dewan Rakyat and Dewan Negara in accordance with subsection 69(2) of the Atomic Energy Licensing Act 1984.]